

**Ahli Parlimen Pakatan gesa Najib lantik seorang jurucakap kes pesawat MH370**  
**Malaysian Insider**  
**13 Mac, 2014**  
**Oleh Diyana Ibrahim**

Ahli Parlimen Pakatan Rakyat (PR) hari ini menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk melantik hanya seorang wakil sebagai jurucakap kerajaan untuk memberi penerangan mengenai perkembangan mengenai operasi misi mencari dan menyelamatkan pesawat Malaysia Airlines MH370 yang hilang Sabtu lalu.

Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng menyifatkan tindakan kerajaan itu menyebabkan berlakunya keadaan "kelam kabut" di mana ia menambah kekeliruan sedia ada.

"Kita lihat semua pun menteri, wakil tentera udara dan laut, kerana itu kita gesa perdana menteri melantik hanya seorang wakil jurucakap yang berkelayakan dan sudah tentu mempunyai pertuturan bahasa Inggeris yang bagus," katanya pada sidang media di Parlimen, Kuala Lumpur hari ini.

Lebih dari itu, Lim juga turut mengulas mengenai insiden meminta bantuan bomoh di Lapangan Antarabangsa Terbang Kuala Lumpur (KLIA) petang semalam mengesan lokasi pesawat.

"Tambah memburukkan keadaan apabila kita ada pula yang meminta bantuan bomoh dan ini sangat memalukan apabila ia turut dilihat media antarabangsa," katanya.

Beliau bagaimanapun enggan memberi komen mengenai dakwaan bahawa kemungkinan kerajaan menyembunyikan perkara sebenar mengenai pesawat MH370 daripada umum.

"Tidak, ini bukan soal sembunyi atau tidak, masalahnya kita lihat kerajaan menangani masalah ini dengan keadaan kelam kabut, ini sangat memalukan apabila serata dunia memerhatikan Malaysia," katanya.

Kehilangan pesawat MH370 masih menjadi misteri apabila tiada sebarang petunjuk diperolehi pasukan mencari dan menyelamatkan ekor pesawat berkenaan tidak memberikan sebarang komunikasi kecemasan sebelum hilang daripada radar.

MH370 dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing membawa sejumlah 239 penumpang.

Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia Jeneral Tan Sri Rodzali Daud Mohd Zin (gambar) semalam berkata kali terakhir isyarat pesawat itu hilang daripada radar Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) ialah pada 1.30 pagi di utara pantai timur pada 8 Mac.

Beliau berkata radar tentera turut mengesan sebuah pesawat yang didapati menuju ke kawasan pantai barat dari Laut China Selatan yang dipercayai mungkin penerbangan MH370, kerana radar berkenaan tidak dapat mengenal pasti pesawat itu.

Memandangkan maklumat berhubung laluan penerbangan pesawat agak kabur, pihak berkuasa memulakan operasi SAR di dua lokasi iaitu 120 batu nautika dari bahagian timur Kota Baru dan Selat Melaka.

Malaysia turut memperluas kawasan pencarian MH370 kepada 27,000 batu nautika persegi di dua kawasan dengan memfokus di Selat Melaka dan Laut China Selatan. – 13 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahli-parlimen-pakatan-gesa-najib-lantik-seorang-jurucakap-kes-pesawat-mh370>